

# → ANUGERAH

Info

**Senarai penerima Malaysia's Rising Star Award (MRSA)**

**Kategori Penyelidik Bidang Baharu**

- Prof Dr Zainal Salam** → Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail** → UTM
- Prof Dr Jinap Selamat** → Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Prof Dr Ishak Ahmad** → Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Dr Che Hang Seng** → Universiti Malaya (UM)

**Kategori Penyelidik Muda**

- Prof Ir Dr Sharifah Rafidah Datu Wan Alwi** → (UTM)

- Prof Dr Lee Keat Teong** → (Universiti Sains Malaysia (USM))

- Prof Madya Dr Lim Hong Ngee** → (UPM)
- Dr Ong Hwai Chyuan** → (UM)
- Dr Huang Nay Ming** → (UM)

**Kategori Sitasi Penerbitan Tertinggi**

- Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud** → (UKM)
- Prof Ir Dr Siti Kartom Kamarudin** → (UKM)
- Prof Dr Wan Saime Wan Ngah** → (USM)

- Prof Ir Dr Mohd Ali Hashim** → (USM)

**Kategori Wanita Dalam Sains**

- Prof Ir Dr Zahira Yaakob** → (UKM)
- Prof Dr Azah Mohamed** → (UKM)
- Prof Madya Dr Suzana Yusup** → Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)

**Kategori Kerjasama Antarabangsa**

- Prof Dr Nasrudin Abd Rahim** → (UM)
- Prof Dr Sulaiman Wadi Harun** → (UM)
- Prof Dr Mohd Rafii Yusop** → (UPM)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SOARING UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

**Idris bersama Mary Yap dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur bergambar bersama penerima anugerah di Putrajaya, semalam.**

## Teroka bidang penyelidikan baharu, berimpak tinggi

**Putrajaya:** Penerokaan bidang baharu serta penerbitan yang disenaraikan dalam jurnal berimpak tinggi adalah antara kunci utama yang mampu melonjakkan penyelidikan Malaysia di mata dunia.

Penerima Malaysia's Rising Star Award (MRSA) bagi kategori Sitasi Penerbitan Tertinggi, Prof Ir Dr Siti Kartom Kamarudin, berkata penemuan baharu sentiasa diberi keutamaan dan pada masa sama, mampu mengangkat universiti tempatan ke peringkat antarabangsa.

Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang kejuruteraan kimia yang turut dinobatkan sebagai antara mempunyai 'Minda Paling Berpengaruh Di Dunia 2015' itu berkata, lebih 100 penerbitan mengenai penyelidikannya menerima sitasi kira-kira 3,000 kali oleh penyelidik seluruh dunia.

"Saya melakukan penyelidikan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui iaitu sistem sel 'fuel' bagi menyokong industri bateri ketika ini kita bangunkan sumber penghasilan elektrik daripada sumber keterbaharuan.

"Saya bersyukur dengan kejayaan ini dan ini adalah kali kedua saya menerimanya selepas tersenarai antara 14 penerima MRSA pada 2015," katanya ketika ditemui selepas majlis MRSA di sini, semalam.

**Kejayaan membanggakan**

Sementara itu, penerima anugerah bagi kategori Kerjasama Antarabangsa, Prof Dr Nasrudin Abd Rahim dari Universiti Malaya (UM), berkata penyelidikan tempatan yang mendapat tempat pada peringkat antarabangsa adalah satu kejayaan yang amat membanggakan.

"Pengiktirafan ini sangat penting dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan yang berkualiti. Ia mampu memberi nafas dan semangat baharu kepada generasi penyelidik akan datang terutama bagi mencubai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM)," katanya.

Penerima anugerah kategori Penyelidik Muda, Prof Dr Lee Keat Teong dari Universiti Sains Malaysia (USM), berkata langkah kerajaan yang memberi keutamaan dan melabur dalam bidang penyelidikan terbukti membuahkan hasil.

"Kita diiktiraf pihak ketiga dan kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan dengan usaha penyelidik universiti tempatan serta sokongan daripada kerajaan," katanya.

# 20 penyelidik Malaysia dapat pengiktirafan dunia

➔ Anugerah dua agensi antarabangsa bukti pengkaji kita jadi rujukan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Putrajaya**

Seramai 20 penyelidik tempatan yang cemerlang dalam penyelidikan saintifik dan penulisan ilmiah sehingga peringkat antarabangsa diiktiraf dalam Malaysia's Rising Star Award (MRSA) pada tahun ini.

Pengiktirafan itu diberikan kepada penyelidik yang menerima sitasi penerbitan antara satu hingga 10 peratus tertinggi

dunia mengikut bidang masing-masing dalam pengkalan data Web of Science (WoS) dari agensi pengindeksan antarabangsa, Clarivate Analytics dan Scopus dari Elsevier.

Anugerah disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di sini, semalam dan turut dihadiri timbalannya, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Pada sidang medianya, Idris berkata, anugerah oleh dua agensi antarabangsa itu membuktikan penyelidik Malaysia diiktiraf dunia dan penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang menjadi rujukan pada peringkat antarabangsa.

Katanya, lima universiti penyelidikan tempatan juga mendapat tempat dalam satu peratus universiti terbaik dunia melalui QS World University Rankings.

"Penyelidikan yang dihasilkan meningkat lima kali ganda sejak 2005. Ini testimoni untuk penyelidik dan universiti kita

terus bergerak ke hadapan dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Harta Intelek (IP) dan Sains ASEAN, Thomson Reuters, John Langton, berkata Malaysia menunjukkan kejayaan amat membanggakan dalam bidang penyelidikan sejak 10 tahun lalu dengan hasil penyelidikan itu tersenarai dalam jurnal berimpak tinggi di seluruh dunia.

**Terus beri sokongan**

"Tentu ia terhasil kombinasi pelbagai faktor yang mendorong pencapaian ini dan kita akan terus memberikan sokongan kepada Malaysia supaya terus diiktiraf dalam bidang akademik di seluruh dunia," katanya.

MRSA yang masuk kedua pada tahun ini membabitkan lima kategori anugerah iaitu Penyelidik Bidang Baharu (Frontier), Penyelidik Muda dan Sitasi Penerbitan Tertinggi oleh Clarivate Analytics, serta Wanita

Dalam Sains dan Kerjasama Antarabangsa oleh Elsevier.

Pada majlis itu, Clarivate Analytics turut memberikan pengiktirafan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) atas kejayaan menduduki tempat ke-73 dan 75 dalam Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities pada Ogos lalu.

Selain itu, tiga penyelidik tempatan iaitu Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Dr Siti Kartom Kamarudin (UKM) dan Prof Dr Bassim H Hameed (Universiti Sains Malaysia) dinobatkan antara 'Minda Paling Berpengaruh Di Dunia 2015' Januari lalu.

Pada masa sama, 18 jurnal ilmiah tempatan berprestasi tinggi turut terpilih menerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM) 2016 dan menerima insentif kewangan Kementerian Pendidikan Tinggi.